


Memoir 50 Tahun Merdeka bertujuan meraikan kemerdekaan ke-50 negara. Milenia Muslim memaparkan pengalaman rakyat Malaysia yang melalui saat penuh makna secara bersiri sehingga Ogos ini.



Semai Patriotisme di Jiwa **Anak Merdeka**

Oleh **AZMAN HJ MOHD NAWI**

Dalam memperingati 50 tahun negara merdeka, segenap generasi masyarakat wajar mengimbas kembali segala usaha pembinaan negara pada zaman silam dan bersedia untuk mengharungi cabaran mendatang. Demi mencapai iltizam itu generasi muda harus sentiasa memperbaharui azam untuk membina sebuah negara harmoni, bersatu

padu dan progresif yang boleh menjadi kebanggaan bersama. Hasrat ini ditekankan oleh Pengerusi Majlis Kebajikan Pusat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Hj Nordin Ibrahim.

Nordin, 82, berkata sambutan merdeka adalah sebuah acara yang sangat penting untuk generasi muda memperingati perjuangan menuntut kemerdekaan. "Ia adalah sambutan yang sangat bagus dan

penting agar mereka memahami dan mengerti erti kemerdekaan bangsa dan negara."

Beliau menyifatkan generasi muda terutamanya yang lahir selepas 1957, walaupun kebanyakan mereka mempunyai semangat patriotik namun masih tidak memahami sepenuhnya erti sebenar kemerdekaan dan hanya segelintir yang benar-benar memahami erti hari kebangsaan ini.



AMAN: Kemakmuran hari ini adalah hasil pengorbanan generasi terdahulu.

“Oleh itu lebih banyak usaha harus diambil untuk menerang dan menjadikan mereka lebih peka serta menghargai erti sebenar hari kebangsaan,” ujarnya sambil menekankan nilai kesiap-siagaan untuk berkorban wajar menjadi kunci perjuangan generasi muda hari ini.

Justeru pemilihan lelaki yang lahir pada 21 Januari 1927 ini amat bertepatan dengan tema yang dipersembahkan di dalam MEMOIR 50 TAHUN MERDEKA, kerana beliau bukan sekadar pintar berkata-kata malah mahir mengotakan setiap kalimah yang dituturkannya.

Apa tidaknya, meskipun Nordin telah melepasi tiga suku abad usianya, namun beliau tidak pernah berhenti menabur bakti dan berkorban masa, wang ringgit malah tenaganya hanya untuk memastikan masyarakat di sekelilingnya mengecap bahagia.

Nordin pada pertemuan petang itu kelihatan begitu selesa dengan kemeja dan jaket hitam. Rambutnya sudah memutih satu kepala dan garis kedut seribu pada kulit tuanya tapi pada mata saya, datuk kepada 23 orang cucu ini masih segar. Apatah lagi semangatnya masih menyala dan berbahang sehangat api bagaikan 50 tahun lalu.

Meskipun umurnya kini telah melewati lebih tiga suku abad, namun bapa kepada sembilan anak ini setia dengan riak wajah yang tenang, ceria dan sentiasa penuh gelak ketawa. Memori sepanjang usianya begitu jelas diingatan. Di kamar pejabatnya, satu persatu nostalgia dan cerita merdeka diuntai dan dikongsikan bersama sebagai pedoman generasi baru.

Nordin berkata, bagi generasi lama sepertinya, hari kebangsaan membawa

memori kegigihan dan perjuangan menentang zaman kolonial dalam usaha mencapai kemerdekaan. “Ia sesungguhnya melambangkan pengorbanan serta kebanggaan dengan apa yang dicapai selama ini. Perpaduan negara juga turut menjadi satu elemen penting dan menjadi kunci kepada kejayaan Malaysia. Sama ada Malaysia akan tergolong dalam senarai negara maju pada 2020 bergantung kepada beberapa faktor seperti kepemimpinan dan maklum balas rakyat.”

Bagaimanapun, faktor paling utama, tetap perpaduan rakyat. Oleh itu, perpaduan seharusnya menjadi tunggak kepada semua amalan hidup dari segenap segi. Rakyat jelasnya hendaklah lebih peka terhadap peranan dan sumbangan mereka kepada perpaduan negara yang menjadi asas utama dalam pembangunan dan pembinaan bangsa.

“Pembangunan negara tidak akan bermakna tanpa kefahaman, keharmonian, perasaan muhibah dan saling mempercayai antara rakyat pelbagai kaum. Program tindakan oleh rakyat Malaysia seharusnya mempunyai matlamat untuk memelihara dan mengukuhkan lagi perasaan cinta dan kesetiaan kepada negara.”

Memulakan kisahnya bagaimana beliau mula jatuh cinta dengan aktiviti sukarela, Nordin berkata segalanya teretus ketika berkhidmat dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Jenjarom, Banting Selangor. Setelah bersara daripada JKM,

beliau menumpukan sepenuh masanya sebagai sukarelawan.

Khidmat sukarelanya menguruskan rumah jagaan itu wajar menjadi teladan kepada seluruh anak bangsa. Memetik sepatah katanya, “Jiwa saya sudah diikat untuk bersama dengan mereka, memberikan khidmat dan amal bakti selagi nyawa dikandung badan. Dan sehingga kini saya ingin berkongsi apa yang saya ada dengan mereka.”

Nordin dalam gelanggang kesukarelawan membenarkan kata pepatah ‘ibarat tangan kanan memberi, tangan kiri tidak mengetahui’.

“Sejak bertugas dengan JKM timbul minat untuk saya memberi khidmat kepada warga emas. Saya melihat kebanyakan kita tidak prihatin dan menganggap golongan tua tidak lagi penting dalam organisasi masyarakat sedangkan merekalah yang bersusah payah membawa kemerdekaan negara, pembangunan masyarakat dan kemajuan hidup,” jelas beliau menyimpulkan impian agar tanggapan diubah.

“Tidak ramai orang yang bertuah seperti mereka. Jadi kesempatan yang ada untuk bergaul dengan mereka menjadikan para sukarelawan lebih matang,”ujarnya yang turut meluahkan rasa syukur dan terharu di atas sokongan isteri tercinta, Datin Mariam Abdullah serta kaum keluarganya yang tidak henti-henti menyokong semangatnya itu.

Pusat Jagaan Harian Warga Tua Cheras Baru dibuka pada 2001 setelah beberapa kali berpindah.

“Seawal tahun 1954 kami bergerak di bawah Pusat Kebajikan Komuniti Kuala Lumpur. Ketika itu operasi berpusat di sebuah pejabat Jalan Sultan Ismail dan usaha mengumpulkan warga tua dari sekitar Kuala Lumpur dibuat oleh sukarelawan Melayu dan pihak British. Saya juga melihat ‘orang putih’ amat menitikberatkan penjagaan warga tua.”

“Menguruskan pusat ini adalah komitmen sukarela saya. Saya tidak ambil gaji. Cukuplah masa muda cari duit. Selepas bersara dari kerajaan saya buat bisnes dan memiliki pendapatan sendiri,” jelasnya sambil menambah kini bukan wang atau nama yang jadi taruhan untuknya aktif bahkan kepuasan dan amal jariah untuk umat manusia. **MM**



Nordin Ibrahim